

# Enam tan bebola lumpur bantu pulih Sungai Nyior

**KUANTAN** – Kira-kira 2,000 orang penduduk Taman Balok Baru di sini menarik nafas lega apabila masalah

pencemaran air Sungai Nyior yang membelenggu mereka sejak Mac lalu semakin pulih.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Balok Baru, Shaha-ruddin Mohamed, 46, berkata, kerajaan negeri telah mema-sukkan hampir enam tan bebola lumpur yang bertindak sebagai agen untuk memperbaiki kualiti air sungai berkenaan.

Jelasnya, air Sungai Nyior kini sudah semakin jernih sehingga mula menarik ke-datangan kaki pancing se-jak seminggu lalu manakala masalah bau busuk pula telah berkurangan lebih 50 peratus.

“Sebelum ini, air sungai jadi kelabu dan berbau seperti najis memang cukup meng-hantui penduduk. Sepatutnya tindakan ini diambil lebih awal



Pelepasan sisa dipercayai punca air Sungai Nyior hitam

Sebelum ini, air Sungai Nyior telah menjadi kelabu dan berbau busuk. Masalah ini berlaku kerana pencemaran air sungai oleh sisa-sisa yang dibuang ke sungai. Pihak berkuasa telah mengambil tindakan untuk membersihkan sungai dengan menggunakan bebola lumpur. Tindakan ini berjaya mengembalikan air sungai ke keadaan yang lebih jernih dan tidak berbau busuk.

**KERATAN Kosmo! 24 Mac 2016.**

kerana pencemaran berlaku sejauh dua kilometer hingga menjejaskan sumber penda-patan,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Mac lalu, *Kosmo!* melapor-kan, masalah pencemaran bau di Sungai Nyior telah menjej-askan aktiviti penduduk se-tempat terutamanya sewaktu air surut dan cuaca panas.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Ne-geri Pahang, Datuk Seri Mohd. Soffi Abd. Razak berkata, Sungai Nyior telah diletakkan dalam pemantauan kerajaan negeri untuk tempoh tiga ta-hun sebagai usaha memulih-kan kualiti airnya.

Jelasnya, pihaknya telah menjalin kerjasama dengan



**SHAHARUDDIN** memerhati keadaan Sungai Nyior di Taman Balok Baru, Kuantan yang sebelum ini mengeluarkan bau busuk akibat dicemari semalam.

Jabatan Pengairan dan Sa-liran serta pertubuhan swasta untuk memasukkan bebola lumpur dan cecair yang meng-andungi mikroorganisma efektif (EM) ke dalam sungai berkenaan pada 10 Ogos lalu.

“Tindakan itu berjaya men-jernihkan sedikit warna air

selain mengurangkan bau bu-suk.

“Kerajaan negeri bertindak bersandarkan pengalaman lalu yang mana Sungai Galing di Kuantan sebelum ini tercemar akibat pembuangan sisa telah berjaya dipulihkan de-ngan bantuan EM,” katanya.